

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SAU303 - Isu-Isu Semasa Dalam Budaya Dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. SATU dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B. Tiap-tiap soalan mengandungi markah yang sama.

Bahagian A

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

1. Di peringkat global, walaupun pendemokrasian negara-negara bebas bercirikan fenomena universal, rasisme, seksime dan pemecahan sosio-budaya semakin ketara di Eropah dan Asia. Bincangkan bertentangan di antara proses-proses ini di peringkat global dan tempatan (local).  
(100 markah)
2. Patriaki merupakan satu gejala sosial universal tetapi berbeza dalam kaum, dan manifestasinya mengikut budaya dan kelas. Sejauhmanakah patriaki menjadi satu gejala dan penghalang kepada kewujudan satu masyarakat madani global?  
(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

3. “Ideologi atau sentimen peperangan secara langsung atau tidak langsung merujuk kepada keunggulan kaum atau negara di mana lambang atau simbolnya ialah perhubungan gender.” Bincangkan kenyataan ini dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.  
(100 markah)
  
4. Konsumerisme yang menunjuk (conspicuous consumption) kini menjadi aliran global di mana barang-barang jenama Barat dipasarkan sebagai penunjuk atau status sosial. Bincangkan fenomena ini di Asia dan jelaskan mengapa akhirnya ia memperkukuhkan dominasi Barat di Asia.  
(100 markah)
  
5. Transformasi sosial berlaku tiap-tiap kali sesuatu perubahan sosial wujud yang mengatarkan semula institusi-institusi sosio-politik dan ekonomi secara kekal. Sejauhmanakah Malaysia mengalami transformasi sosial dan mungkinakah ia menjadi aliran menerus di alaf baru?  
(100 markah)
  
6. Sejauhmanakah perpaduan sosial dan integrasi perkauman dapat dijayakan di alaf baru di Malaysia? Bincangkan juga dasar-dasar yang boleh distrukturkan semula agar Malaysia boleh membuktikan bahawa perpaduan dapat dicapai melalui peraneakan sosial (social diversity).  
(100 markah)